

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU - BN]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 25)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kemajuan dan pencapaian terkini Parlimen Belia yang diwujudkan oleh Kementerian tidak lama dahulu.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parlimen Belia Malaysia telah selesai proses pengundian atas talian yang bermula pada 22 Oktober 2014 sehingga 31 Oktober 2014. Seramai 120 orang daripada 433 orang calon telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia. Mereka terdiri daripada 99 kaum Melayu, 2 kaum Cina, 3 kaum India dan 16 daripada pelbagai kaum.
2. Statistik mengikut jantina menunjukkan seramai 120 daripada 433 calon yang terdiri daripada 103 calon lelaki dan 17 calon wanita telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia. Ahli Parlimen Belia Malaysia akan mengikuti Pra Persidangan pada 30 November 2014 sehingga 4 Disember 2014 di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.